

BULETIN KERJA RAYA



JILID 02/2013

MAC - MEI 2013

ISSN : 1985-4595

www.kkr.gov.my



**SELAMAT DATANG
YB. DATUK FADILLAH &
YB. DATUK ROSNAH**

**TERIMA KASIH
YB. DATO' SERI SHAZIMAN
& YBHG. DATO' YONG**



Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

OMR Press Sdn. Bhd.
Tel: 03-8024 6396

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619

Faks : 03-2711 1101

E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang



Warga Kementerian Kerja Raya mengucapkan Selamat Datang kepada

YB. Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya

**dan YB. Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin,
Timbalan Menteri Kerja Raya.**

serta

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih kepada

**YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor,
Mantan Menteri Kerja Raya**

dan

**YBhg. Dato' Yong Khoon Seng,
Mantan Timbalan Menteri Kerja Raya.**



~Pengarang~



YB. DATUK FADILLAH MENERAJUI KKR

KUALA LUMPUR, 23 Mei – Kementerian Kerja Raya (KKR) menyaksikan satu peristiwa bersejarah dan istimewa hari ini, di mana satu majlis penyerahan Nota Serah Tugas telah diadakan di antara Mantan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor bersama-sama Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof.

Majlis ini diadakan di Dewan Bunga Raya, Kompleks Kerja Raya dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR, Ketua Pengarah Agensi dan Jabatan, serta para pegawai kanan KKR.

YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor mula berkhidmat di KKR sebagai Menteri Kerja Raya pada tahun 2009 dan sepanjang perkhidmatannya, pelbagai kejayaan dan pencapaian hebat diraih Kementerian. Dengan penyerahan tugas ini, KKR akan diterajui oleh Menteri Kerja Raya yang baru iaitu YB. Datuk Fadillah Yusof yang juga merupakan mantan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.





Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2013

KUALA TERENGGANU, 27 Mei – Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof telah merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia 2013 hari ini bertempat di Dewan Kenanga, Terengganu Equestrian Resort, Kuala Terengganu.

Pada majlis ini, YB. Menteri turut sudi menyampaikan anugerah kepada para penerima yang terpilih. Anugerah yang dipertandingkan adalah Anugerah Pengurusan JKR Daerah Terbaik, Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik, Anugerah Pengurusan Laman Web Terbaik dan Anugerah Kontraktor Cemerlang.

Dalam ucapan perasmianya, YB. Menteri menyeru kepada warga JKR supaya bersama-sama berganding bahu sebagai satu organisasi yang padu, menanam azam dan semangat yang gigih untuk meningkatkan produktiviti dengan pencetusan idea inovasi yang lebih kreatif ke arah keunggulan JKR.

Mesyuarat tahunan ini diadakan selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Mei 2013 dengan bertemakan 'Pencetus Inspirasi, Penjana Transformasi'. Pelbagai aktiviti diatur, antaranya sesi dialog, pembentangan kertas kerja, pameran dan lawatan teknikal. Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Exco Kerajaan Terengganu, YB. Ir. Rosli bin Othman (Pengerusi JK Kerja Raya dan Pengangkutan), YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua Pengarah Agensi dan Pengurusan tertinggi KKR serta pegawai kanan JKR.



CIDB Raikan 427 Graduan ABM



JOHOR BAHRU, 28 Mei - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia hari ini meraikan 427 pelatih-pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) yang telah tamat menjalani pengajian di dalam pelbagai bidang dan akan menerima Sijil Kecekapan Kemahiran masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, 100 pelatih telah ditaja oleh Yayasan FELDA di dalam bidang kimpalan di bawah The Welding Institute (TWI), manakala IRDA telah memilih 60 orang pelatih untuk menjadi perintis projek Pinewood Iskandar Malaysia Studio. Selain daripada itu seramai 100 orang pelatih pula yang berpeluang menjalani latihan dalam industri bersama 20 syarikat kontraktor tempatan.

YB. Datuk Haji Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya dalam ucapan perasmianya menggesa penggiat industri lain juga mengambil langkah yang sama untuk memberi pendedahan industri kepada para pelatih binaan tempatan dan seterusnya menyerap mereka sebagai pekerja mahir di dalam tred berkaitan.



"Saya melihat kerjasama ini akan memberi impak positif ke arah pembangunan negara dengan cara yang lebih efektif dan dalam skala yang lebih besar dan untuk memastikan perkara ini Kementerian dan CIDB akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan para belia tempatan dalam bidang kemahiran pembinaan terkini berserta pengalaman industri yang menepati standard antarabangsa," tambahnya lagi.

Sejak penubuhan ABM Wilayah Selatan pada 2001, ia telah berjaya mengeluarkan lebih daripada 12,844 orang pelatih berkemahiran dalam tred-tred pembinaan terpilih. Selain itu ABM Wilayah Selatan ini juga telah melatih seramai 18,737 personel binaan di dalam pelbagai bidang. Jumlah belia dan personel binaan yang telah dilatih di seluruh Malaysia sejak 2001 adalah seramai 200,000 orang.



Malaysia International Renovation Exhibition 2013 Mengetengahkan Kontraktor Bumiputera



KUALA LUMPUR, 31 Mei - Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah merasmikan *Booth Malaysia International Renovation Exhibition* bertempat di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini.



Sebanyak sepuluh *booth* pameran yang terdiri daripada 12 syarikat kontraktor Bumiputera telah menyertai pameran ini dan kesemuanya telah dibiayai oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya (KKR). Objektif utama penyertaan PKK didalam program ini adalah untuk membuka peluang dan ruang bagi kontraktor, pembekal dan pengilang Bumiputera untuk memasarkan produk dan perkhidmatan syarikat masing – masing selain mengetengahkan kontraktor Bumiputera ke pasaran tempatan dan antarabangsa.



PKK berhasrat untuk menyertai siri ekspo ini yang dijadual berlangsung pada bulan September dan November tahun ini bagi meneruskan usaha yang dilakukan dalam mengetengahkan kontraktor Bumiputera. Program *Malaysia International Renovation Exhibition 2013* ini dianjurkan oleh EG Group Holding Sdn. Bhd. dan berlangsung bermula 31 Mei hingga 2 Jun 2013.



ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (MCIEA) 2012

KUALA LUMPUR, 28 Mac – Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2012 bersempena dengan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2013 telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) malam ini. Penganugerahan MCIEA ini telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa.

Pada majlis ini, sebanyak 13 pemenang yang terdiri daripada lima kategori telah diraikan. Bagi kategori *The Prominent Player Award*, ia dimenangi oleh YBhg. Dato' Ng Kee Leen, Pengarah Eksekutif GAMUDA Berhad. Tujuh kontraktor pula dipilih untuk kategori *Contractor Awards* iaitu IJM Construction Sdn Bhd. (kategori G7), Putra Sentosa Enterprise (G6), Monchek Technology (M) Sdn. Bhd. (G5), Renoplex Sdn. Bhd. (G4), Kluang Setia Development Sdn. Bhd. (G3), 1st Builders Sdn. Bhd. (G2) dan Double R Enterprise (G1).

MCIEA 2012 merupakan tahun kedua belas penganjurannya dan merupakan penganugerahan kepada penggiat industri pembinaan selepas dipilih melalui satu proses penilaian yang rapi oleh jawatankuasa dan panel hakim. Menurut YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB sewaktu menyampaikan ucapan aluan, sebanyak 212 penyertaan telah diterima dan merupakan peningkatan angka daripada tahun sebelumnya.



PERASMIAN MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW) 2013




KUALA LUMPUR, 26 Mac – Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2013 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoo Seng hari ini bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi agensinya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ini berlangsung selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Mac 2013 dengan bertemakan Transformasi.

Ucapan aluan pula telah disampaikan oleh penganjur ICW 2013 iaitu YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB. ICW 2013 merupakan pentas bagi para pemain industri binaan tempatan dan luar negara bertemu serta berkongsi maklumat, menjalin

hubungan serta menjadi medan percambahan ilmu bagi amalan terbaik di dalam pembinaan. Program tahunan yang telah masuk tahun kedua belas penganjurannya ini terdiri daripada beberapa komponen utama iaitu pameran, persidangan dan seminar.

Antara acara yang telah disusun oleh pihak penganjur sepanjang ICW 2013 berlangsung adalah seperti Pameran dan Persidangan *Road Engineering Association of Asisa & Australasia (REAAA)* keempat belas, *Second Malaysia Eco-Building and Design* atau lebih dikenali sebagai Eco-B, *Malaysian Construction Summit* kelima, *Construction Research Achievement International Conference (CIRAIC)* dan *Construction Project Managers National Symposium 2013*.





MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN ZON TENGAH



KUALA LUMPUR, 27 Mac – Satu majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor) telah diadakan hari ini bertempat di Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A, Kompleks Kerja Raya.

Tempoh perjanjian ini adalah selama lima tahun bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017 dan ia melibatkan tiga buah bangunan di Zon Tengah iaitu Kompleks Kerajaan Bukit Perdana, Rumah Persekutuan Kuala Lumpur dan Bangunan Persekutuan Petaling

Jaya yang merupakan hak milik Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri.

Syarikat yang menyelenggara perkhidmatan tersebut adalah Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. (CFMSB). Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam, TKSU(Pembangunan) sebagai saksi di pihak Kerajaan. Wakil Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. pula ialah En. Shafie, (Pengarah Urusan) dan En. Saiful Bahari bin Jalil (Pengarah) sebagai saksi di pihak Kontraktor. Majlis ini turut dihadiri oleh pegawai kanan Kementerian.





JASAMU DIKENANG

KUALA LUMPUR, 1 Mac – Majlis meraikan persaraan mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Kerja Raya (KKR), YBhg. Puan Sri Dato' Zaiton Mhad Ali telah diadakan di Dewan Dewan Sri Tanjung, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Majlis yang berlangsung pada pukul 11 pagi ini diadakan bagi menghargai jasa dan bakti yang telah dicurahkan beliau sepanjang memegang jawatan TKSU (O) di Kementerian ini bermula 2 Februari 2008. Beliau mula berkhidmat didalam perkhidmatan awam bermula tahun 1979 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Perbendaharaan. Sehingga tarikh persaraannya, beliau telah pun berkhidmat sebagai penjawat awam selama 33 tahun di pelbagai Kementerian/Jabatan diantaranya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tetamu kehormat yang turut hadir memeriahkan majlis jamuan persaraan ini ialah Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh, pegawai-pegawai Kementerian serta Ketua Pengarah Agensi/Jabatan di bawah Kementerian ini.



99 PERATUS **KEMALANGAN** DIKURANGKAN



SEBELUM



SELEPAS

KUALA LUMPUR 8 April – Program rawatan *Blackspot* iaitu lokasi kerap berlaku kemalangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya sejak 2010 telah berjaya mengurangkan sehingga 99 peratus kadar kemalangan di 172 lokasi di seluruh negara melibatkan jalan persekutuan.

Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri Shaziman Abu Mansor berkata, statistik terkini diperoleh pihaknya, setakat Disember 2012, hanya lapan kes kemalangan jalan raya dicatatkan berbanding 1,712 kes sebelum dirawat sejak 2010.

Katanya, pada 2010 hanya tiga kemalangan berlaku selepas dirawat berbanding 339 kes sebelumnya manakala pada 2011 pula, lapan kemalangan dicatatkan berbanding 472 sebelum dirawat.

“Tahun 2012 menunjukkan peningkatan mendadak apabila tiada kemalangan dicatatkan selepas dirawat berbanding 901 kes dilaporkan sebelumnya.”

Program rawatan *Blackspot* ini bukan sahaja berjaya mengurangkan jumlah kemalangan sehingga mencapai tahap 100 peratus, tetapi turut mengurangkan kesesakan jalan raya di 172 lokasi yang menjalani proses pemulihan selain menambahkan keselesaan pengguna jalan raya,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Kerajaan pada bulan lalu mengumumkan peruntukan sebanyak RM60juta bagi menjalankan kerja pembaikan di 114 kawasan hitam yang berisiko kemalangan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Daripada jumlah keseluruhan peruntukan itu, RM35juta merupakan peruntukkan tambahan yang di luluskan oleh Perdana Menteri , Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Shaziman memberitahu, antara skop kerja dan kaedah rawatan kemalangan yang dilaksanakan adalah seperti penurapan semula permukaan jalan, menaik taraf selekoh berbahaya, pelebaran bahu jalan dan menyediakan kemudahan lintasan pejalan kaki.

“Selain itu, pihak kementerian turut memasang lampu jalan, lampu isyarat serta menambah baik kemudahan jalan seperti papan tanda keselamatan,” jelasnya.

Menurut Shaziman, kos untuk memulihkan sesuatu jalan atau lebuhraya itu adalah sekitar RM500,000 dan ia adalah pelaburan yang paling menguntungkan dengan kerajaan berjaya mengurangkan banyak kemalangan jalan raya.

Ini adalah salah satu program yang amat berjaya kerana dengan hanya peruntukan yang kecil dan sederhana, impak kepada pengguna adalah berlipat ganda,” kata Shaziman.

Tahun	Jumlah Lokasi	Jumlah Kos
2010	37	RM15JUTA
2011	40	RM15JUTA
2012	50	RM20JUTA



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS

EHSAN : UTUSAN MALAYSIA



PRA AUDIT PERSIJILAN 5S KKR

KUALA LUMPUR, 9 April – Satu pra-audit persijilan 5S telah diadakan di Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini sebagai persediaan awal untuk mendapatkan persijilan 5S daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi tahun 2013.

Pihak Urus Setia daripada Bahagian Perancangan Korporat (BPK) telah melantik dua orang auditor daripada Urusetia Persijilan Persekitaran Berkualiti (5S), Unit Persijilan dan Pembangunan Standard, MPC untuk menjalankan audit ke lapan Zon yang telah terpilih. Auditor tersebut ialah Tuan Haji Omar Othman dan Puan Norfaizah Abdul Rahman manakala lapan zon yang terpilih adalah Zon Gamelan (Bahagian Akaun), Zon Dahlia (Bahagian Kewangan), Zon Kenanga (Bahagian Perancang Jalan), Zon Jasmin (Bahagian Pengurusan Korporat), Zon Melati (Unit Komunikasi Korporat), Zon Kesidang (Unit Audit Dalam), Zon Seri Pagi (Bahagian Dasar Pembinaan) dan Zon Bougainvillea (Bahagian Pembangunan Usahawan).

Majlis pada hari tersebut telah dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian serta Pengarah Zon-zon yang terlibat. Padasesi petang pula, satu mesyuarat penutup telah diadakan dan auditor MPC telah membentangkan penemuan serta cadangan penambahbaikan kepada lapan zon terlibat.



Hasil penemuan auditor menyatakan, secara keseluruhannya lapan Bahagian di KKR ada menjalankan aktiviti 5S. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan boleh dilakukan seperti meningkatkan inovasi dan "best practice" dalam aktiviti 5S. Menurut mereka lagi, kejayaan aktiviti persekitaran berkualiti (5S) memerlukan komitmen, kerjasama dan penglibatan semua pihak.



SEMINAR PEMANTAPAN SYARIAH: KURSUS PENGURUSAN JENAZAH



KUALA LUMPUR, 10 April – Unit Hal Ehwal Islam, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini.

Objektif utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kakitangan tentang cara-cara mengurus dan menyelenggara jenazah mengikut syariat Islam serta melatih kakitangan agar dapat memandikan, mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah beragama Islam.

Kursus yang dihadiri seramai lebih 200 orang warga KKR ini, bermula pada 8.30 pagi ini dan telah disampaikan oleh Tuan Haji Umar bin Sulaiman dan Puan Hajah Yusnida bt Yusof daripada Tenaga Insan Enterprise Sdn. Bhd. Konsep penyampaiannya pula terdiri daripada penyampaian ilmu secara teori dan penerangan melalui praktikal iaitu simulasi cara menguruskan jenazah.



KERATAN AKHBAR

India minat kepakaran Malaysia

A village transformed

CIDB appeals again on heavy machinery tax

Lebuhraya Pan Borneo rancakkan ekonomi

CIDB Malaysia

ICW 2013 pikat minat antarabangsa

MCI EA Awards The Best Of The Best In Construction Industry

Mural PLUS kembali

Laksana projek penyaluran trafik di Jambatan Kedua Pulau Pinang

Kerajaan lulus peruntukan RM1b

Malaysia 5 Bintang
Kementerian Kerja Raya

ISSN 1985-4595
9771985459008